

**PERSEPSI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH RENDAH TERHADAP PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN KEMAHIRAN
HIDUP DALAM BAHASA INGGERIS**

Nooraini Bte Othman & Lee Bee Theng
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar sekolah menengah rendah terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris, kesediaan belajar pelajar dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar terhadap isu ini. Seramai 187 orang pelajar dari sekolah menengah luar bandar daerah Manjung, Perak telah dipilih secara rawak berkelompok dilibatkan dalam kajian ini. Segala maklumat dikumpulkan melalui instrumen soal selidik. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan Alpha Cronbach dan memperoleh nilai 0.93. Data-data yang dikumpulkan seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Pakej Statistik bagi Sains Sosial (SPSS). Hasil kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris dan kesediaan belajar pelajar juga berada pada tahap yang sederhana. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran tinggi terhadap cabaran yang dihadapi sekiranya isu ini menjadi kenyataan. Untuk mengubah persepsi pelajar terhadap isu ini dan meningkatkan tahap kesediaan belajar pelajar serta membolehkan pelajar mengatasi cabaran jika isu ini menjadi kenyataan, maka pengkaji telah membentangkan beberapa cadangan supaya pelajar mempunyai kesedaran dan bersedia untuk menghadapi arus dunia yang sentiasa berubah ini.

ABSTRACT: The objective of this research is to study the perception of the secondary school students on the teaching and learning of Living Skill subject in English including their acceptance and preparation to overcome the conversion of instructional medium and the challenges faced by students. A total of 187 secondary school students from rural schools in Manjung district, Perak were randomly selected for this study. Information was collected through questionnaire. The reliability of this questionnaire was tested using Cronbach's Alpha and the result obtained was 0.93. The data collected was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version. The results showed that the students have negative perception on the conversion of instructional medium to English. The findings indicated that secondary students' readiness to overcome this issue was at medium level. This study also found that the students have high awareness on the challenges faced if the conversion of instructional medium is confirmed. Some pedagogical implications were offered in order to change the students' perception and to increase their level of readiness as to overcome the challenges in the future.

Kata Kunci: Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kemahiran Hidup (KH)

PENGENALAN

Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan merupakan bahasa pengantar yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah secara meluas terutamanya di sekolah kebangsaan di Malaysia sejak kemerdekaan. Manakala bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua dan hanya diajar dalam subjek bahasa Inggeris sahaja. Memandangkan proses globalisasi yang telah berlaku di dunia ini, bahasa Inggeris telah menjadi satu bahasa yang amat penting di dunia. Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa ilmu dan bahasa komunikasi antarabangsa.

Pernyataan Masalah

Era globalisasi meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Untuk menjadi sebuah negara membangun sepenuhnya menjelang tahun 2020, Malaysia perlu meningkatkan daya saing dan meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia. Salah satu cabaran dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia ialah menekankan penggunaan Bahasa Inggeris. Menurut Kesatuan Guru dan Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bahasa Inggeris bukan sahaja dapat membantu golongan pelajar menguasai bahasa berkenaan dengan lebih baik malah juga mampu bersaing dengan pelajar-pelajar asing terutama dalam era globalisasi sekarang ini.

Oleh itu, usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan ialah melaksanakan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah mulai tahun 2003 (surat pekeliling ikhtisas bil. 12/2002) dan dasar pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran teknikal dalam bahasa Inggeris di sekolah teknik mulai tahun 2006.

Ekoran dari perkembangan pendidikan masa kini, maka tidak mustahil mata pelajaran Kemahiran Hidup yang juga merupakan subjek teknikal akan diajar dalam bahasa Inggeris. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar-pelajar sekolah menengah rendah luar bandar di daerah Manjung, Perak jika mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Untuk mengenalpasti persepsi responden terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris.
- ii. Untuk mengenalpasti kesediaan belajar responden terhadap isu ini.
- iii. Untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh responden jika mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberikan maklumat yang baik dan berguna kepada semua pihak terutamanya pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru Kemahiran Hidup dan bakal guru Kemahiran Hidup serta pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Kemahiran Hidup.

Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi satu panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengkaji keperluan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Tenaga pengajar, khususnya guru-guru Kemahiran Hidup dan bakal guru-guru Kemahiran Hidup yang mengajar atau yang akan mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup dapat menyedar bahawa perubahan perkembangan pendidikan di dalam era globalisasi ini supaya para tenaga pengajar dapat bersiap sedia dan membuat persediaan awal dalam menghadapi cabaran masa akan datang melalui dapatan kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga penting dijalankan kerana hasil kajian ini dapat menjadi dorongan kepada pelajar-pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris terutamanya bagi pelajar-pelajar luar bandar dan kesediaan belajar pelajar supaya dapat menerima dan menyesuaikan diri dengan secepat mungkin terhadap perubahan sistem pendidikan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang mungkin berlaku.

Skop Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah menengah luar bandar di daerah Manjung, Perak. Responden-responden kajian ini dihadkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3 yang sedang mengikuti kursus Kemahiran Hidup. Kajian ini akan menjuruskan kepada persepsi pelajar, kesediaan belajar pelajar dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar jika mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, seramai 187 orang pelajar sekolah menengah rendah dipilih sebagai sampel daripada populasi yang bertujuan untuk menjalani kajian ini. Hal ini adalah kerana populasi adalah terlalu besar dan luas. Oleh itu, penggunaan sampel merupakan satu cara yang terbaik dalam membuat kajian ini.

Sampel kajian yang dipilih ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah rendah luar bandar daerah Manjung, Perak. Proses persampelan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berkelompok. Pensampelan rawak berkelompok adalah di mana sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi, seperti pilihan rawak berdasarkan tingkatan dalam sekolah. Menurut Azizi Yahaya *et. al* (2007), pensampelan rawak berkelompok adalah sampel mudah di mana setiap unit pensampelan adalah himpunan atau kelompok unsur-unsur. Oleh itu pemilihan sampel dalam kajian ini dilaksanakan secara rawak berkelompok. Rawak berkelompok yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah di mana sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi, seperti pilihan rawak berdasarkan bilangan kelas yang terdapat di sekolah menengah luar bandar daerah Manjung, Perak.

Sampel dalam penyelidikan yang dijalankan ini adalah terdiri daripada enam kelas orang pelajar yang masing-masing mewakili populasi Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga di dua buah sekolah menengah luar bandar daerah Manjung, Perak iaitu seramai 187 orang sampel.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan ini ialah dalam bentuk soal selidik yang diedarkan kepada responden. Menurut Rohana Yusof (2004), soal selidik adalah satu alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik. Instrumen kajian ini merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian yang berbentuk tinjauan. Kelebihan kaedah ini ialah responden hanya perlu meluangkan sedikit masa sahaja

untuk menjawab soal selidik. Kaedah ini juga mudah mendapat kerjasama daripada responden. Responden bebas memilih dan menyatakan pendapat dan menilai mengikut kehendak soal selidik. Masa untuk mengendalikan tinjauan dapat dijamin kerana penganalisan ke atas jawapan juga dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan. Ini membolehkan penggunaan responden yang lebih banyak di mana ralat persampelan dapat dikurangkan. Oleh itu, soal selidik adalah sesuai digunakan dalam menjalani kajian ini.

Untuk memenuhi objektif kajian ini, satu set soal selidik telah dihasilkan. Soal selidik yang dihasilkan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A ialah soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang pelajar-pelajar. Antaranya ialah jantina, tingkatan, bangsa dan keputusan peperiksaan akhir bahasa Inggeris. Manakala, Bahagian B pula mengandungi tiga puluh dua item yang berkaitan dengan persoalan kajian yang merangkumi 3 skop seperti di bawah:

- i. Apakah persepsi responden terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris?
- ii. Apakah kesediaan belajar responden terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh responden sekiranya mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris?

Dalam Bahagian B, pengkaji menggunakan skala Likert untuk mengukur maklum balas responden. Pengkaji memilih skala Likert sebagai alat mengukur adalah kerana :


- i. Soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik.
- ii. Lebih mudah untuk mendapatkan data yang banyak.
- iii. Maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis.
- iv. Soal selidik lebih menjimatkan masa, tenaga dan kos.
- v. Responden lebih mudah dan berani untuk memberikan tindak balas terhadap aspek dikaji.

Kajian Rintis

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang pelajar Tingkatan 3 Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor yang dipilih oleh pengkaji. Kebetulan kesemua responden yang dipilih secara rawak mudah ini adalah pelajar-pelajar lelaki. Kajian rintis yang dijalankan ini bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kebolehpercayaan. Selain itu, kajian rintis yang dijalankan ini juga bertujuan untuk menguji kefahaman responden terhadap item-item yang dibina dan untuk memperolehi tahap kesahan dan kebolehpercayaan setiap item instrumen. Penyelidik boleh mengubahsuaikan struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian rintis yang telah dijalankan telah berlaku dengan lancar dan tidak menghadapi masalah untuk memahami item-item yang direka. Jadual 3.4 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi bagi setiap persoalan kajian. Daripada kajian rintis yang telah dilakukan, item yang dibina oleh penyelidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai Alpha 0.93. Menurut Majid Konting (2000), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 boleh dianggap mencukupi dan boleh digunakan dalam penyelidikan. Oleh kerana nilai kebolehpercayaan bagi item instrumen yang telah dibina adalah tinggi, maka item-item yang dibina ini adalah sesuai dan sah untuk digunakan sebagai instrumen bagi kajian sebenar.

Prosedur Kajian



Rajah 1 **Prosedur Kajian**

PERBICANGAN

Persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris

Persoalan kajian pertama dalam kajian ini adalah mengenai persepsi pelajar sekolah menengah rendah luar bandar daerah Manjung terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa para pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris. Daripada hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar sekolah menengah rendah luar bandar daerah Manjung tidak bersetuju mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris.

Pelajar-pelajar ini mungkin akan menghadapi pelbagai masalah seperti lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, tidak berminat untuk belajar dan sebagainya jika isu pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Hidup menjadi kenyataan. Ini selaras dengan pendapat Mohd. Azam Ahmad (2008) yang menyatakan pelajar-pelajar tidak berminat, lemah dalam kosa kata dan kurang cekap berkomunikasi dalam bahasa Inggeris berlanjutan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah.

Daripada hasil dapatan kajian, majoriti pelajar berpendapat bahawa mereka lemah dalam bahasa Inggeris, mereka tidak dapat memahami isi pelajaran, tidak dapat menjawab soalan guru, tidak dapat menterjemah isi pelajaran bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan tidak dapat menyempurnakan tugas yang diberikan oleh guru jika subjek Kemahiran Hidup ini diajar dalam bahasa Inggeris.

Kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar luar bandar terhadap pencapaian bahasa Inggeris oleh Jamalludin Ishak (1992) telah menunjukkan jurang pencapaian bahasa Inggeris di antara bandar dan luar bandar amat ketara. Bukti-bukti daripada kajian yang telah dijalankan juga menunjukkan prestasi bahasa Inggeris pelajar luar bandar masih rendah dan belum mencapai satu tahap yang memuaskan.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, majoriti pelajar di sekolah menengah luar bandar daerah Manjung, Perak mempunyai persepsi yang negatif terhadap pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup kerana pelajar-pelajar ini yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris berasa bimbang, takut tidak dapat mengikuti pelajaran dan seterusnya akan menjejaskan keputusan mereka. Ini kerana pencapaian bahasa Inggeris pelajar-pelajar luar bandar adalah rendah berbanding dengan pencapaian bahasa Inggeris pelajar-pelajar bandar. Ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Jamalludin Ishak (1992).

Kesediaan belajar pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris

Kesediaan belajar pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris adalah bergantung kepada faktor kematangan dan faktor pengalaman pelajar serta perlengkapan diri dari segi perkembangan mental, emosi, sosial dan fizikal.

Daripada hasil dapatan kajian, didapati bahawa kesediaan belajar pelajar sekolah menengah rendah luar bandar daerah Manjung terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris adalah pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada separuh orang pelajar daripada responden yang dikaji belum bersedia sama ada bersedia dari

segi kognitif, efektif ataupun psikomotor untuk mempelajari subjek Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris

Menurut Boon Pong Ying *et. al* (1998) dalam implikasi hukum kesediaan Thorndike ialah pembelajaran tidak boleh dipaksa sekiranya pelajar belum bersedia. Oleh itu, tahap kesediaan pelajar adalah sangat penting untuk menentukan proses pembelajaran yang berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir pelajar akan menghadiri kelas tambahan untuk menambah penguasaan bahasa Inggeris mereka atau merujuk kamus apabila terjumpa perbendaharaan kata yang tidak difahami serta akan mencatatnya ke dalam buku untuk rujuk semula apabila perlu. Kaedah-kaedah lain untuk kesediaan belajar kurang digunakan. Contohnya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 17 orang daripada 187 orang pelajar akan membaca surat khabar Inggeris untuk menambah penguasaan bahasa Inggeris mereka supaya mereka dapat menyediakan diri mereka untuk menempuhi cabaran yang akan datang.

Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kesediaan belajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris adalah pada tahap yang sederhana kerana masih terdapat ramai pelajar kurang peka terhadap kepentingan kesediaan belajar dalam proses pembelajaran.

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar jika mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam Bahasa Inggeris

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap cabaran yang dihadapi sekiranya mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris ada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna wujudnya kesedaran pelajar terhadap cabaran yang akan dihadapi jika isu pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Hidup diajar dalam bahasa Inggeris dijadikan kenyataan.

Cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar luar bandar jika isu ini menjadi kenyataan ialah penguasaan bahasa Inggeris yang juga merupakan cabaran utama bagi pelaksanaan PPSMI. Mengikut Profesor Madya Dr. Nor Hasimah Jalaludin, seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kajian rasmi beliau menunjukkan bahawa hampir 20 peratus atau setengah juta anak Melayu akan keciciran dalam pendidikan sekiranya dasar PPSMI diteruskan dan Bekas Timbalan Naib Canselor (Akademik) UKM, Profesor Dr. Shahrir Mohamad Zain pula berpendapat bahawa hanya 20 peratus pelajar Melayu yang akan menerima faedah daripada perubahan dasar ini, itu pun oleh kerana mereka mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang mantap.

Sebenarnya, isu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris yang mungkin akan dilaksanakan adalah bertujuan untuk memperbaiki bahasa Inggeris, memudahkan pelajar memahami istilah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup terutamanya istilah dalam bahagian kemahiran teknikal, mewujudkan masyarakat Malaysia yang mampu berdaya saing di peringkat global dan melahirkan warga negara yang mampu menyumbangkan kemahiran dan pengetahuan untuk kesejahteraan masyarakat dunia ini. Namun, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa bahasa Inggeris akan menjadi tembok penghalang untuk memahami subjek Kemahiran Hidup dan akhirnya ilmu tidak sampai kepada pelajar. Pelajar-pelajar juga tidak dapat menguasai mata pelajaran Kemahiran Hidup dan bahasa Inggeris serentak dan ia akan menjadi masalah berganda.

RUMUSAN

Melalui penganalisan yang telah dijalankan, pengkaji telah merumuskan persoalan kajian yang telah dikajikan. Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam bahasa Inggeris adalah negatif. Kebanyakan pelajar berasa lebih senang belajar subjek Kemahiran Hidup dalam bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris. Ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa diri mereka tidak dapat memahami isi pelajaran, tidak dapat menjawab soalan guru, tidak dapat menterjemah isi pelajaran bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan tidak dapat menyempurnakan tugas yang diberikan oleh guru jika subjek Kemahiran Hidup ini diajar dalam bahasa Inggeris.

Daripada perspektif persepsi pelajar, kebanyakan pelajar tidak berkeyakinan dan berasa diri mereka lemah dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah luar bandar, daerah Manjung, Perak ini mempunyai persepsi negatif terhadap isu ini. Menurut Bong Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998), proses pembelajaran seseorang individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor, jika seseorang individu itu adalah positif, proses pengajaran akan menjadi lebih efektif. Berdasarkan pendapat yang dinyatakan di atas, maka dapat dijangka jika isu ini menjadi kenyataan, proses pengajaran dan pembelajaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah luar bandar, daerah Manjung, Perak ini yang mempunyai persepsi negatif terhadap isu ini tidak akan berkesan. Hal ini berlaku kerana pelajar tidak mempunyai motivasi dan dorongan serta insentif yang tinggi untuk mempelajari mata pelajaran ini.

Daripada perspektif kesediaan belajar pelajar, hasil kajian menunjukkan bahawa kesediaan belajar pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Menurut Bong Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998), kesediaan belajar merupakan keadaan seseorang individu yang membolehkannya menikmati pembelajaran dengan berkesan. Ee Ah Meng (1994) pula menyatakan bahawa seseorang pelajar yang mempunyai kesediaan afektif yang positif, aktif dan agresif dalam diri individunya akan mendapat pencapaian akademik yang tinggi. Pernyataan Ee Ah Meng juga disokong oleh Bong Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998) juga dalam teori B. L. Thorndike (1874-1949) dalam hukum kesediaan yang telah menunjukkan kepentingan implikasi hukum kesediaan dalam proses pembelajaran pelajar iaitu apabila seseorang pelajar bersedia untuk bertindak, tindakan itu akan membawa kepuasan. Sebaliknya, jika seseorang pelajar tidak bersedia untuk tindakan, tindakan yang dipaksa itu akan membawa kekecewaan. Daripada hasil dapatan kajian, lebih daripada separuh orang pelajar tidak mempunyai kesediaan belajar (60%). Hanya segelintir daripada pelajar-pelajar ini akan menghadiri kelas tambahan bahasa Inggeris untuk menambah penguasaan Inggeris mereka. Pelajar-pelajar ini juga akan merujuk kamus jika terdapat perbendaharaan kata yang tidak fahami.

Daripada perspektif cabaran yang dihadapi oleh pelajar pula, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap cabaran yang dihadapi oleh pelajar adalah pada tahap yang tinggi. Cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar luar bandar daerah Manjung, Perak dalam pembelajaran adalah penguasaan bahasa Inggeris yang lemah.

Perkembangan era globalisasi dunia hari ini semakin mendesak lagi keperluan penguasaan terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap cabaran yang akan dihadapi. Walaupun pelajar-pelajar ini mempunyai kesedaran tinggi terhadap cabaran yang mungkin akan dihadapi, tetapi mereka masih lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris dan mereka berasa susah untuk menguasai bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2007). *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya *et. al.* (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Berita Harian. (2003). *Pelaksanaan 4 peringkat: Pengajaran Sains, Matematik guna bahasa Inggeris*. 11 Julai 2003.
- Bong Pong Ying dan Ragbir Kaur. (1998). *Psikologi I (Semester I)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng. (1994). *Siri Pendidikan Guru: Sekolah Dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng. (1997). *Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jamalludin Ishak. (1992). *Arah Dan Kemungkinan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johari A. Aziz. (1999). *Pelaksanaan Kaedah-kaedah Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Bagi Guru-guru Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Daerah Gombak, Selangor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Nor Che Nor. (1990). *Asas-asas Pendidikan Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: FLO Enterprise Sdn. Bhd.
- Mohammed Sani Haji Ibrahim dan Mohd. Jasmy Abdul Rahman. (2003). *Pembembestarian Sekolah Dan Era Globalisasi: Satu Pemikiran Baru Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia*. Jurnal BTP / KPM. Siri 5 Disember 2003
- Mohd. Azam Ahmad. (2008). *Tanggapan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Juahir Md. Jali. (2005). *Persepsi Guru Dan Pelajar Terhadap Kesesuaian Topik Reka Bentuk Dan Teknologi Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Dengan Keperluan Industri: Satu Tinjauan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan Pendidikan Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka